



PERMOHONAN KAVEAT PERSENDIRIAN

[KAVEAT](#)

[CARA MENDAPATKAN BORANG PERMOHONAN \(FORM G\)](#)

[DOKUMEN – DOKUMEN YANG DIPERLUKAN](#)

[SENARAI BAYARAN YANG DIKENAKAN](#)

[TATACARA PERMOHONAN](#)

[TEMPAT MENGHADAPKAN PERMOHONAN](#)

PERMOHONAN KAVEAT PERSENDIRIAN

KAVEAT

Perintah (Pindaan) Kanun Tanah, (2016)
Berkuatkuasa pada 17 Jamadilawal 1442 bersamaan 01 Januari 2021

DEFINISI KAVEAT

Kaveat bermaksud sekatan / halangan; alat / mekanisme yang disediakan oleh undang-undang untuk melindungi kepentingan seseorang ke atas urusan niaga hartanah

FUNGSI KAVEAT

Untuk membantu melindungi kepentingan pihak-pihak tertentu ke atas sesuatu tanah dengan memasukkan atau mendaftarkan kepentingan itu ke Daftar Tanah.

KESAN KAVEAT

Kesan pendaftaran sesuatu kaveat ke atas sesuatu hakmilik tanah akan menghalang sebarang urusan daripada berlaku ke atas tanah tersebut. Dalam erti kata lain, tuan punya tanah tidak boleh memindah milik, menjual, menggadai atau memajak tanah tersebut atau apa juga urusan yang akan menjejaskan kepentingan pihak-pihak yang telah mendaftarkan kaveat itu sehinggalah kaveat tersebut dikeluarkan atau secara automatiknya tamat tempoh

TEMPOH SAHLAKU

Kaveat tersebut adalah sah untuk satu tempoh selama tiga (3) tahun melainkan jika ianya dikeluarkan lebih awal dari Daftar Tanah oleh Pegawai Tanah. Tempoh kaveat tersebut boleh diperbaharui bagi satu tempoh lanjutan tiga (3) tahun sahaja setelah membuat pembayaran pembaharuan yang ditetapkan.

[Kembali ke atas](#)

PERMOHONAN KAVEAT PERSENDIRIAN

CARA MENDAPATKAN BORANG PERMOHONAN (FORM G)

DIBELI DI KAUNTER
PEMBAYARAN

ATAU

DIMUAT TURUN SECARA
PERCUMA



- Harga *Form G* adalah **BND \$1.00 / set**
- *Form G* boleh dibeli di mana-mana cawangan Pejabat Tanah Daerah:

Daerah	Tempat
Brunei dan Muara	Kaunter Pembayaran, Tingkat 1, Pejabat Tanah Brunei dan Muara
Tutong	Kaunter Pembayaran, Pejabat Tanah Tutong
Belait	Kaunter Pembayaran, Pejabat Tanah Belait
Temburong	Kaunter Pembayaran, Pejabat Tanah Temburong

Borang Permohonan Kaveat Persendirian (*Form G*):

<http://www.tanah.gov.bn/PublishingImages/SitePages/Forms/Form%20G.pdf>

Nota: Sila pastikan *Form G* dan senarai semak yang dicetak adalah menggunakan warna asal seperti yang dipaparkan

[Kembali ke atas](#)

PERMOHONAN KAVEAT PERSENDIRIAN

DOKUMEN – DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

BIL	DOKUMEN
1	Empat (4) keping <i>Form G</i> (isikan bilangan 1 dan 2 sahaja) untuk ditandatangani di hadapan Pegawai Tanah
2	Surat Pengakuan / Surat Sumpah yang telah di cop pembayaran duti setem bagi tuntutan yang di kemukakan terhadap tuan tanah atau pihak yang berkepentingan - Asal
3	Kad Pengenalan (Kad Pintar) pemohon yang belum luput tarikh mansuhnya – 1 salinan
4	Geran Tanah Asal
5	Surat lantikan sebagai wakil (bagi permohonan Pihak Bank / Syarikat / Badan Korporat / Badan Berkanun DLL) - jika perlu
6	Cop rasmi (bagi permohonan Pihak Bank / Syarikat / Badan Korporat / Badan Berkanun DLL) - jika perlu
7	Dokumen sokongan seperti (Jika ada); • Resit pembayaran bagi perjanjian jual-beli. • Keterangan hutang, • Laporan polis, • Surat perjanjian bertulis, • Salinan kad pengenalan, • Lain-lain dokumen

PERHATIAN:

1. Sila pastikan dokumen-dokumen yang disertakan adalah terkini dan lengkap. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diterima oleh Pihak Jabatan Tanah.
2. Sila bawa Kad Pengenalan Asal semasa menandatangani *Form G* dihadapan pegawai

[Kembali ke atas](#)

PERMOHONAN KAVEAT PERSENDIRIAN

SENARAI BAYARAN YANG DIKENAKAN

BIL	JENIS BAYARAN	CAJ
1	Bayaran Kaveat	\$ 225.00
2	Bayaran Pendaftaran	\$ 1.00
3	Bayaran Duti Setem bagi Dokumen Asal	\$ 10.00
4	Bayaran Duti Setem bagi setiap salinan \$2.00 (3 keping)	\$ 6.00
JUMLAH		\$ 242.00
5	Bayaran Duti Setem bagi setiap salinan \$2.00 tambahan (jika perlu)	\$
JUMLAH		\$

[Kembali ke atas](#)

PERMOHONAN KAVEAT PERSENDIRIAN

TATACARA PERMOHONAN

1

Mendapatkan empat (4) *Form G* samada secara pembelian di kaunter pembayaran cawangan Pejabat Tanah Daerah (BND\$1.00 / set) atau dimuat turun secara percuma di laman sesawang Jabatan Tanah

2

Mengisikan empat (4) keping *Form G* (isikan bilangan 1 dan 2 sahaja) dan menyediakan dokumen – dokumen yang diperlukan dengan lengkap

3

Menghantar *Form G* dan dokumen – dokumen yang lengkap ke cawangan Pejabat Tanah Daerah mengikut letak tanah berkenaan

4

Tunggu pengesahan pegawai samada permohonan diterima atau sebaliknya

5

Jika diterima, jelaskan pembayaran yang dikenakan di kaunter Pembayaran.

6

Hantar *Form G*, dokumen-dokumen yang lengkap dan resit pembayaran ke kaunter permohonan

7

Menandatangani *Form G* dihadapan Pegawai Tanah

[Kembali ke atas](#)

PERMOHONAN KAVEAT PERSENDIRIAN

TEMPAT MENGHADAPKAN BORANG PERMOHONAN YANG LENGKAP

PERMOHONAN DIHANTAR MENGIKUT LETAK TANAH

Daerah Brunei dan Muara Pejabat Tanah Brunei Muara, Aras Bawah, Jabatan Tanah

<https://www.google.com/maps/place/Land+Department/@4.925553,114.928171,521m/data=!3m1!1e3!4m5!3m4!1s0x0:0xcb340e93130e8bf7!8m2!3d4.925553!4d114.928171?hl=en>

Daerah Tutong Pejabat Tanah Tutong

<https://www.google.com/maps/@4.807004,114.657951,521m/data=!3m1!1e3?hl=en>

Daerah Temburong Pejabat Tanah Temburong

<https://www.google.com/maps/place/Bangar/@4.7094455,115.0739496,524m/data=!3m1!1e3!4m5!3m4!1s0x322853cd410242b:0x4be44ab34589e250!8m2!3d4.7127123!4d115.0762536>

Daerah Belait Pejabat Tanah Belait

<https://www.google.com/maps/@4.586724,114.191396,261m/data=!3m1!1e3?hl=en>

[Kembali ke atas](#)